

BAB I

KAJIAN TEORETIKAL MENGENAI DAKWAH

A. Pengertian dan Hukum Dakwah.

Pengertian dakwah menurut kesepakatan para ahli terbagi kepada dua bahagian, iaitu pengertian secara etimologi (bahasa) dan pengertian secara terminologi (istilah).

1) Kata ini berasal dari *fi'il* (kata kerja) “*da'ā-yad'u*”, ertiannya memanggil, mengajak atau menyeru (Asmuni Syukir, 1983:17). Kemudian erti dakwah menurut Louis Ma'luf, secara etimologi, kata dakwah berasal dari bahasa Arab dalam bentuk dari masdar dari kata دعى : نادى *da'ā-yad'u* secara harfiah ia bererti yang ertiannya panggilan, seruan, do'a, ajakan, undangan dan propaganda.

2) Pengertian dakwah secara terminologi (istilah). Para ahli ilmu dakwah dalam mengungkapkan pengertian dakwah secara terminologi (istilah) sangat beragam pendapat yang dilontarkan, diantaranya ialah:

a) Menurut Hamzah Ya'qub

“Definisi dakwah dalam Islam adalah: mengajak umat manusia dengan hikmah kebijaksanaan untuk mengikuti petunjuk Allah dan Rasul-Nya”. (1973:13).

b) Menurut Prof. Toha Yahya Omar, M.A.

“Definisi dakwah menurut Islam, ialah mengajak manusia dengan cara bijaksana kepada jalan yang benar sesuai dengan perintah Tuhan, untuk kemaslahatan dan kebahagiaan mereka di dunia dan di akhirat”. (1992:1)

c) Menurut Endang Saefuddin Anshari

Dakwah dalam Islam terbagi kepada dua erti, iaitu dakwah Islam dalam erti luas.

- a. “Dakwah Islam dalam arti terbatas: penyampaian Islam kepada manusia, baik secara lisan maupun tulisan, ataupun secara lukisan (panggilan, seruan dan ajakan kepada manusia pada Islam).
- b. “Dakwah Islam dalam arti luas: penjabaran, penerjemahan dan pelaksanaan Islam dalam peri kehidupan manusia (termasuk didalamnya: politik, ekonomi, sosial, pendidikan, ilmu pengetahuan, kesenian, kekeluargaan dan lain sebagainya). (Dakwah dalam arti luas adalah seluas kehidupan dan penghidupan itu sendiri). (1993:178).

d) Menurut Fuad Aimsyari

“Makna dakwah, yakni membuka kebenaran Islam ke sekitar kita dengan motif utama menyelamatkan manusia dan lingkungan dari kerusakan”. (1993:160)

Dari pendapat yang telah dikemukakan tadi dapat diambil kesimpulan bahwa dakwah bererti mengubah umat dari satu situasi kepada situasi yang lebih baik di dalam segala segi kehidupan dengan tujuan merealisasikan ajaran Islam di dalam kenyataan sehari-hari, baik bagi kehidupan seorang peribadi, kehidupan keluarga maupun masyarakat sebagai keseluruhan tata hidup bersama.

B. Dasar Dakwah.

Dasar hukum atau landasan yang paling utama dalam pembinaan agama Islam (dakwah) adalah al-Qur'ān dan al-Hadīth. Di dalam al-Qur'ān sendiri banyak terdapat ayat-ayat yang memerintahkan agar umat Islam sentiasa menggerakkan dan menggiatkan usaha-usaha pembinaan umat yakni berdakwah, agar ajaran-ajaran Islam dapat sentiasa berdiri tegak dan dianut oleh umat manusia.

Firman Allah yang berkenaan dengan penyelenggaraan dakwah (pembinaan agama Islam) adalah sebagai berikut:

a. Surah *al-Nahl* ayat 125

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَهَادِهِمْ بِالِّيْهِ هِيَ أَخْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ

أَعْلَمُ يَعْنَى ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهَتَّدِينَ

Maksudnya: “Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.” Terjemahan surah *al-Nahl* (16): 125.

b. Surah *Āli 'Imrān* ayat 104

وَلَنْكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ
الْمُفْلِحُونَ

Maksudnya: “Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebijakan, menyuruh kepada yang ma’ruf dan mencegah dari yang munkar, merekalah orang-orang yang beruntung. Terjemahan surah *Āli 'Imrān* (3): 104.

Ayat-ayat tersebut merupakan sebagian kecil dari dasar hukum pelaksanaan pembinaan agama Islam atau berdakwah, kerana masih ada lebih banyak lagi ayat-ayat yang disebutkan di dalam kitab suci al-Qur'an.

Sedangkan dalil-dalil dari al-Sunnah juga menyebutkan tentang kewajiban manusia dalam berdakwah sebagaimana dikutip oleh Asmuni Syukir (1983:102) di antaranya adalah:

بَلَغُوا عَنِّي وَلَوْا يَةً (رواية البخاري)

Maksudnya: “Sampaikanlah dari padaku walaupun satu ayat”. (al-Bukhārī, Anbiyā 50,1987,1:530).

من رأى منكم منكراً فليغیر يده فان لم يستطع فليسه فان لم يستطع فقبله وذلك

اضعف اليمان (رواه متفق عليه)

Maksudnya:

“Barang siapa di antara kamu melihat kemungkaran maka hendaklah ia mengubahnya (mencegahnya) dengan tangannya (kekuasaannya), apabila ia tidak sanggup dengan lidahnya (nasihat), apabila ia tidak kuasa maka dengan hatinya, dan itulah selemah-lemahnya iman”. (HR. Bukhāri Muslim). (Muslim, Imān 78, 1987, 1: 101)

Dari keseluruhan ayat di atas pada dasarnya menunjukkan kepada beberapa masalah utama, yakni:

- 1) Orang-orang mu'min yang memanggil orang-orang lain kepada jalan Allah termasuk sebagai pengikut Nabi Muhammad, sedangkan orang-orang yang mengabaikannya tidak termasuk sebagai pengikut-pengikut Nabi SAW.
- 2) Perintah Allah atas Nabi Muhammad SAW untuk menyampaikan risalah dakwah terhadap umatnya. Ini bermakna bahawa seorang mu'min sama ada dia seorang mu'min lelaki atau mu'min perempuan akan mempunyai kewajiban daripada amalan dakwah kepada umat Islam.
- 3) Bagi seorang pelaksana dakwah (da'i) haruslah memiliki pengertian yang luas mengenai berbagai-bagai masalah dan menghadapinya melalui jalan yang lumrah, dengan lemah lembut agar tidak bertentangan dengan apa yang disampaikannya, kemudian mendasarkan masalah-masalah tersebut dengan bukti-bukti yang ada, serta demikian pula tidaklah dia boleh merasa lemah di dalam menghadapi

sesuatu kebenaran dan harus pula mampu untuk menghindarkan diri dari hal-hal yang dapat membatalkan dakwahnya.

C. Rukun Dakwah

1. Materi Dakwah.

Pada dasarnya sudah jelas bahwa materi dakwah pembinaan ajaran agama Islam adalah seluruh ajaran Islam itu sendiri secara *kāffah*, tidak terpenggal atau terpotong-potong. Ajaran Islam itu telah tertuang dalam al-Qur'an dan dijelaskan pula oleh Rasulullah SAW dalam al-Hadīth, sedang pengembangannya kemudian mencakup seluruh budaya Islam yang murni yang bersumber dari kedua sumber utama ajaran Islam tersebut.

Adapun materi dakwah itu pada umumnya tergantung kepada tujuan dakwah yang hendak dicapai. Secara global menurut Asmuni Syukir (1983: 60) materi dakwah itu dapat diklasifikasikan menjadi tiga hal utama, iaitu:

a. Masalah keimanan (aqidah).

Perkataan aqidah berasal dari bahasa Arab, iaitu al-alaqidat yang bererti simpulan atau ikatan. Pengertian aqidah menurut istilah syarak ialah mempercayai dan meyakini dengan penuh keimanan tanpa sebarang syak dan ragu kepada Allah (s.w.t.), dan rasul-rasulnya serta mempengaruhi perbuatan tingkah laku dalam kehidupan seharian berpandukan dalil-dalil al-Qur'an dan hadīth. (Yūsuf Qardāwī, 1980:15-18)

Perkara-perkara pokok yang menjadi asas bagi aqidah Islam, ialah beriman dengan Allah (s. w. t.), beriman dengan malaikat dan beriman dengan alam yang ada disebalik ayam yang nyata ini, beriman dengan kitab-kitabNya, dan beriman dengan nabi-nabi serta beriman dengan rasul-rasulNya, beriman dengan akhirat dan beriman dengan qadha dan qadhar (Sayyid Sābiq, 1991:8).

Perkara-perkara asas yang membentuk keimanan dinamakan rukun iman. Beriman kepada Allah, bererti percaya kepada Allah bahawa Allah bersifat dengan penuh sifat-sifat kesempurnaan. Allah juga sebagai pencipta sekalian alam yang nyata ini dan alam akhirat. Dialah yang menghidupkan dan mematikan serta memberi rezeki kepada semua makhluk. Semua makhluk adalah milik Allah dan sentiasa bergantung kepada Allah (s.w.t.) (Harun Din, 1990:51).

Perkara kedua yang asas kepada rukun iman ialah beriman kepada malaikat. Menurut ketetapan al-Qur'an, malaikat itu adalah alam ghaib bukan alam benda yang nyata yang dapat disaksikan oleh pancaindera (Harun Din, 1990:9).

Perkara ketiga yang asas kepada rukun iman ialahpercaya kepada kitab-kitab Allah yang diturunkan kepada nabi-nabi dan rasul-rasul. Kitab-kitab yang dimaksudkan itu ialah al-Qur'ān, Suhūf Ibrāhīm, Zabūr, Taurāt dan Injīl. Beriman kepada rasul-rasul adalah termasuk dalam rukun iman yang keempat. Rasul-rasul ialah manusia yang dipilih oleh Allah dari kalangan umat yang tertentu untuk menyampaikan agama Allah (s.w.t) kepada seluruh manusia (Għalmasŷ, t.t:71).

Beriman kepada hari kiamat ialah rukun iman kelima. Ianya merupakan asas ajaran al-Qur'ān dan Al-Sunnah serta merupakan satu dasar bagi seluruh agama langit. Beriman kepada hari akhirat adalah meliputi perkara-perkara berikut :

- 1) Kebangkitan semula manusia selepas mati supaya manusia dapat menerima pembalasannya;
- 2) Padang Maḥsyar, iaitu tempat manusia berhimpun selepas kebangkitan semula sebelum menerima pembalasan;
- 3) Hisab, iaitu semua amalan manusia akan dihisab dan ditimbang di atas timbangan mizan untuk menentukan amalan baik atau jahat;
- 4) Sirāth, iaitu jembatan yang akan merintang di atas neraka jahannam, yang akan dilalui oleh semua manusia dari dahulu sehingga sekarang berdasarkan kedudukan amalan masing-masing;
- 5) Haud, iaitu kolam yang khaskan bagi setiap nabi berfaidah bagi umat masing-masing yang solih. Kolam yang terbesar ialah kolam Nabi Muhammad (s. a. w.).

Perkara yang terakhir yang menjadi asas keimanan ialah percaya kepada qodok dan qodar, iaitu mempercayai bahawa segala sesuatu yang terjadi adalah menurut ketentuan Allah, dan Dialah yang menentukan perjalanan dan kelakuan manusia sepenuhnya. Walaubagaimanapun manusia masih mempunyai peluang

berusaha dan berikhtiar untuk menentukan nasib mereka sendiri (Harun Din, 1990:107).

Dari huraian di atas jelaslah bahawa aqidah merupakan asas bagi kehidupan setiap muslim. Sekiranya keimanan atau aqidah ini masih longgar maka seluruh aspek kehidupan yang lain juga akan longgar.

Oleh sebab aqidah adalah masalah yang berhubung kait dengan keyakinan hidup iaitu pembangkangan kepada sembah-sembahan yang lain kecuali beriman dan menyembah kepada Allah yang satu sahaja. Di bidang ini aqidah bukan sahaja pembahasannya tertuju kepada masalah-masalah yang wajib diimani yang erat kaitannya dengan rukun iman tetapi juga berhubung kait dengan materi dakwah yang mesti meliputi juga masalah-masalah yang dilarang atau ditentang sebagai lawannya ketauhidan, misalnya perbuatan syirik (menyekutukan Allah).

Aqidah adalah masalah keyakinan hidup, iaitu iman dalam erti khas yakni penafian atau pembangkangan yang bertolak dari hati. (Endang Saifudin Anshari, 1993: 30).

Aqidah dalam Islam adalah bersifat *īmān i'tiqādī* bātiniyah yang mencakup masalah-masalah yang erat hubungannya dengan rukun iman. Masalah aqidah ini secara garis besar ditunjukkan oleh Rasulullah SAW dalam sabdanya:

الإِيمَانُ أَنْ تَوْمَنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكِبَرِيهِ وَرَسُولِهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَتَوْمَنَ بِالْقَدْرِ خَيْرٌ وَشَرٌّ

Maksudnya: "Iman ialah engkau percaya kepada Allah, Malaikat-malaikatnya, Kiab-kitabnya, Rasul-rasulnya, Hari akhir dan percaya ketentuan Allah yang baik dan yang buruk". (Bukhārī, Imān 47,1990,1:480).

Di bidang aqidah ini bukan sahaja pembahasannya tertuju pada masalah-masalah yang wajib diimani, akan tetapi materi dakwah meliputi juga masalah-masalah yang dilarang sebagai lawannya, misalnya shirik (menyekutukan Allah), ingkar adanya Allah dan sebagainya.

b. Masalah keislaman (*syar'iyyah*).

Perkataan syariah berasal daripada perkataan Arab, iaiti syariat yang bererti jalan yang telah ditentukan untuk dilalui di atasnya. Menurut ghawāṣīf maksud syariah menurut syarak ialah segala kewajipan dan tanggungjawab syarak yang mesti ditunaikan oleh setiap mukallaf. Menurutnya lagi kewajipan yang perlu ditunaikan oleh seseorang Islam adalah terdiri daripada dua bahagian; yang pertama ialah kewajipan fardu ain, seperti solah, puasa, zakat, haji dan yang kedua ialah fardu kifayah seperti, berjihad, menuntut ilmu, bekerja di sektor perindustrian, pertanian dan sebagainya.

Perkataan syariah juga telah disebutkan oleh Allah (s.w.t.) , dalam al-Qur'an :

ثُمَّ جعلناك عَلَى شَرِيعَةٍ مِّنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعُهَا وَلَا تَسْتَعِيْعُ أَهْوَاءَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ (١٨)

Maksudnya: “(kesudahannya Kami jadikan engkau (wahai Muhammad dan utusan engkau) menjalankan suatu Syariat (yang cukup lengkap) dari hukum-hukum agama, maka turutlah syariat itu, dan jangan engkau menurut hawa nafsu orang yang tidak mengetahui (perkara yang benar).” Terjemahan surah *al-Jāthiyah* (48): 18.

Menurut Qurtubi perkataan syariat dalam ayat di atas bermaksud perkara yang disyariatkan oleh Allah (s.w.t) yang merangkumi segala peraturan agama yang lengkap dan jelas kepada hamba-hambaNya.

Menurut al-Imam al-Akbar Mahmud Shaltut, syariat ialah susunan peraturan dan ketentuan yang disyariatkan oleh Allah (s.w.t), dengan lengkap atau penentuan pokok-pokoknya sahaja, supaya manusia menggunakannya dalam mengatur hubungannya dengan Allah (s.w.t), hubungan dengan saudara seagama, hubungan sesama manusia serta hubungan dengan alam kehidupan.

Dalam al-Qur'an Allah (s. w. t), telah mengungkapkan kepercayaan sebagai iman dan syariat sebagai amal soleh. Di antaranya ayat-ayat yang menjelaskan perkara di atas sepetimana firman Allah (s. w. t),

أَنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ كَانُوا لَهُمْ جَنَّتُ الْفَرْدَوسِ نَزَّلَ (١٠٧)

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, disediakan bagi mereka Syurga-syurga Firdaus, sebagai tempat tetamu (yang serba mewah). Terjemahan surah *al-Kahf* (18): 107.

Firman Allah (s.w.t) :

من عمل طلحة من ذكر أو أنثى وهو مؤمن فلتخيه حلوة طيبة ولتحزبهم أخرهم بأحسن

ما كانوا يعملون (٩٧)

Maksudnya: (Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya kami menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik, dan sesungguhnya Kami akan membalaas mereka, dengan memberi pahala yang lebih baik daripada apa yang mereka telah kerjakan). Terjemahan surah *al-Nahl* (16): 97.

Dalam menjelaskan ayat-ayat di atas, al-Qurtubi menjelaskan bahawa, maksud amal soleh dalam kedua-dua ayat di atas ialah taat dan patuh kepada perintah Allah (s.w.t), dan dengan melaksanakan konsep *'amar ma'rūf nahi mungkar*, demi untuk mencapai kebahagiaan dan keredaan Allah (s. w. t) di dunia dan di akhirat.

Menurut sheikh Mahmūd Syaltūt, ayat di atas menunjukkan bahawa Islam itu bukanlah agama kepercayaan yang mengatur hubungan di antara manusia dengan Allāh (s.w.t) semata-mata, tetapi ianya merupakan agama yang lengkap yang merangkumi kepercayaan dan peraturan tentang kehidupan manusia yang meliputi semua aspek kehidupan.

Nawfal menjelaskan bahawa syariat Islam yang didatangkan oleh Allah (s.w.t.), merupakan syariat yang lengkap yang merangkumi setiap sudut kehidupan manusia. Kesyumulan syariat Islam ini meliputi semua aspek utama dalam kehidupan, seperti kekeluargaan, kemasyarakatan, perhubungan sesame manusia, pemerintahan, ekonomi, muamalat, perniagaan, keselamatan, perhubungan antarabangsa dan sebagainya.

Menurut pendapat para tokoh ulama di atas dapatlah disimpulkan bahawa syariat ialah suatu system hidup yang merangkumi semua aspek kehidupan insan, yang bermula dari system pengurusan diri, kekeluargaan, kemasyarakatan, sehingga kepada system ekonomi Islam, muamalat, pemerintahan negara dan perhubungan antarabangsa.

Syar'iyah dalam Islam berhubungan erat dengan amal lahir (nyata) dalam rangka mentaati semua peraturan Allah guna mengatur hubungan antara manusia dengan Tuhannya dan mengatur pergaulan hidup antara manusia dengan sesama manusia. Hal ini dijelaskan dalam sabda Nabi SAW:

الاسلام ان تعبد الله ولا تشرك به شيئاً وتقيم الصلاة وتوتّي الزكاة المفروضة وتصوم رمضان

Maksudnya: "Islam adalah bahwasannya engkau menyembah kepada Allah swt dan janganlah engkau mempersekuatkannya dengan sesuatupun dengan mengerjakan sembahyang, membayar zakat-zakat yang wajib, berpuasa pada bulan ramadhan dan menunaikan ibadah haji di Mekkah (Baitullah). (Bukhārī, Īmān 47,1990,1:480).

c. Masalah budi pekerti (*Akhlaqul karimah*).

Akhlik ialah menangnya keinginan dari beberapa keinginan manusia dengan langsung berturut-turut. (Ahmad Amin :62)

Masalah akhlak dalam aktiviti dakwah (sebagai materi dakwah) menurut Asmuni Syukir (1983: 62-63) merupakan pelengkap sahaja. Meskipun akhlak itu berfungsi sebagai pelengkap keimanan dan keislaman, bukan bererti masalah akhlak kurang penting dibandingkan dengan masalah keimanan dan keislaman,

berhasil dalam berdakwah jika dakwah itu dilaksanakan tanpa mempelajari keadaan umat yang dihadapi.

Oleh kerana objek dakwah terdiri dari masyarakat yang berbagai-bagai, maka agar dakwah dapat berjalan dengan efektif dan efisien perlu diadakan pengklasifikasian sasaran dakwah dalam menerapkan sistem dan metode dakwah sesuai dengan ciri yang terdapat pada setiap sasaran.

Adapun pengklasifikasian sasaran dakwah menurut Prof. H.M Arifin, M.Ed (1993: 3-4) adalah sebagai berikut:

- 1) Sasaran yang menyangkut kelompok masyarakat dilihat dari segi sosiologi berupa masyarakat terasing, pedesaan, kota besar dan kecil, serta masyarakat di daerah marginal dari kota besar.
- 2) Sasaran yang menyangkut golongan masyarakat dilihat dari segi struktur kelembagaan berupa masyarakat, pemerintah dan keluarga.
- 3) Sasaran yang berupa kelompok-kelompok masyarakat dilihat dari segi sosial budaya berupa golongan *priyayi* [bangsawan], *abangan* [awam] dan *santri* [golongan agama]. Klasifikasi ini terutama terdapat dalam masyarakat di Jawa.
- 4) Sasaran yang berhubungan dengan golongan masyarakat dilihat dari segi tingkat usia berupa golongan anak-anak, remaja dan orang tua.

- 5) Sasaran yang berhubungan dengan golongan masyarakat dilihat dari segi okupasional (profesional atau pekerjaan) berupa golongan petani, pedagang, seniman, buruh, pegawai negeri (administrator).
- 6) sasaran yang menyangkut kelompok masyarakat dilihat dari segi jantina (sex) berupa golongan wanita, pria, dan sebagainya.
- 7) sasaran yang menyangkut kelompok masyarakat dilihat dari segi khusus berupa golongan masyarakat tuna susila [pelacur], tuna wisma [tak punya tempat tinggal], tuna karya [penganggur], narapidana [banduan] dan sebagainya.

Dengan adanya pengklasifikasian sasaran dakwah tersebut maka diambil suatu kesimpulan bahwa dalam proses pelaksanaan dakwah seorang *da'i* diharapkan untuk memahami dahulu karakter masyarakat sebagai objek dakwah. Untuk selanjutnya menentukan metode apa yang sesuai untuk diterapkan. Dengan demikian kegiatan dakwah besar kemungkinan akan mencapai kejayaan.

3. Subjek Dakwah.

Yang dimaksud dengan subjek dakwah adalah yang melaksanakan dakwah, juru dakwah. Dengan perkataan lain dapat juga disebut *da'i, muballigh* atau komunikator.

Secara umum setiap muslim dan muslimat pada prinsipnya adalah subjek dakwah/*da'i/muballigh* yang berkewajiban melaksanakan *'umar ma'ruf nahyi munkar*.

Namun secara khusus subjek dakwah adalah seseorang yang memiliki kelebihan dalam pengetahuan dan kesanggupan yang secara khusus dapat melaksanakan dakwah itu lebih baik, seperti ustaz atau umumnya para ulama.

Da'i secara khusus, menurut Dr. H. Hamzah Ya'qub (1992: 3) dapat pula disebut kader-kader Islam. Dalam kefahaman umum diajarkan, biar bagaimana baiknya ideologi yang harus disampaikan kepada masyarakat, ia akan tetap sebagai ide, ia akan tetap sebagai cita-cita yang tak terwujud jika tak ada manusia yang menyebarkannya. Sebaliknya, sekalipun ada tenaga-tenaga penyebar jika penyebarannya itu kurang baik membawakan ide-ide tersebut, maka ini pun tak akan membawa hikmah yang baik bagi ide itu.

Dengan demikian dapatlah diambil kesimpulan bahwa tenaga penyebar agama (dā'i/mubaligh) secara khusus mestilah memiliki kelengkapan yang istimewa guna melaksanakan tugas itu dengan sebaik-baiknya. Faktor dā'i menurut Prof. H.M. Arifin (1993: 66-67) merupakan kunci dakwah. Ditangannya lah dakwah mendapat kejayaan atau kegagalan.

Memandangkan faktor da'i sangat penting dalam kerangka dakwah, maka dalam faktor ini terdapat persyaratan-persyaratan yang harus dipenuhi. Persyaratan-persyaratan tersebut menurut Drs. H. Ahmad Subandi (1994: 68-71) adalah:

- 1) Pemahaman yang mendalam, ertinya seorang da'i harus membekali diri dengan ilmu pengetahuan supaya apa yang disampaikan tidak menyimpang dari semestinya.

- 2) Keimanan yang teguh, ertinya seorang dā'i harus memiliki ketetapan hati dalam melaksanakan dakwah dan tidak goyah oleh faktor-faktor luar.
- 3) Hubungan yang erat dengan Allah, ertinya seorang dā'i harus tawakal kepada Allah dalam segala urusan.

Keberhasilan di dalam dakwah selain ditunjang oleh persyaratan-persyaratan tersebut di atas, sangat tergantung pula kepada kepribadian dā'i.

Adapun kepribadian yang harus dimiliki oleh seorang dā'i secara rohaniyah adalah: iman dan taqwa kepada Allah, tulus ikhlas dan tidak mementingkan diri peribadi, ramah dan penuh pengertian, tawaḍlu (rendah hati), sederhana dan jujur, tidak memiliki sifat egoisme, memiliki sifat enthusiasm (semangat), sabar dan tawakal, memiliki jiwa toleransi, sifat terbuka dan tidak memiliki penyakit hati. (Asmuni Syukir, 1983: 35-43).

Sedang kepribadian dā'i yang harus dimiliki secara jasmaniyyah adalah: (a) Sehat jasmani, ertinya seorang dā'i dituntut untuk memiliki jasmani yang sehat, (b) berpakaian kemas, ertinya seorang dā'i dituntut untuk mengenakan pakaian yang sesuai dengan tempat, suasana dan keadaan supaya menambah kewibawaan. (Ibid, 1983: 47-48).

Semua faktor yang telah diuraikan di atas mesti dimiliki oleh seorang dā'i atau komunikator menurut Jalaluddin Rakhmat (1992: 225) yang berpengaruh

sahaja apa yang dikatakan tetapi juga keadaan dia sendiri. Kadang-kadang “siapa lebih penting dari apa”.

Maka dengan demikian, dakwah akan lebih baik jika dilaksanakan oleh da'i yang benar-benar memiliki keperibadian yang baik sekaligus memiliki keahlian dalam bidang dakwah dan keagamaan, kerana fatwa yang dilontarkan oleh seorang ahli agama (ulama/ustaz) akan lebih didengar daripada dikemukakan oleh orang lain.

4. Tujuan Dakwah.

Dakwah merupakan suatu rangkaian kegiatan atau proses dalam rangka mencapai suatu tujuan tertentu. Tujuan ini dimaksudkan untuk memberi arah atau pedoman bagi gerak langkah kegiatan dakwah. Sebab tanpa tujuan jelas seluruh aktiviti dakwah akan sia-sia.

Menurut pendapat Abd. Rosyid Shaleh di dalam bukunya “Manajemen Dakwah Islam” disebutkan bahwa tujuan dakwah ialah nilai tertentu yang diharapkan dapat dicapai dan diperoleh dengan jalan melakukan penyelenggaraan dakwah (1993: 19).

Untuk mengetahui secara jelas tujuan daripada dakwah, akan dikutip beberapa pendapat pakar, antaranya ialah:

1) Menurut Endang Saifuddin Anshari

“Tujuan umum dakwah Islam adalah (selaras dengan) tujuan hidup muslim itu sendiri, iaitu tujuan vertikal: Allāh atau keridāan Allāh dan tujuan horizontal: rahmat bagi segenap alam”. (1993: 180).

2) Menurut Prof. H.M. Arifin, M. Ed.

“Adapun tujuan program kegiatan dakwah dan penerangan agama adalah untuk menumbuhkan pengertian, kesadaran, penghayatan dan pengamalan ajaran agama yang dibawakan oleh para ulama untuk kebahagiaan di dunia maupun di akhirat”. (1983: 51).

3) Menurut Asmuni Syukir

“Mengajak umat manusia (meliputi orang mukmin maupun orang kafir atau musyrik) kepada jalan yang benar yang diridai oleh Allah Swt. agar dapat hidup bahagia dan sejahtera di dunia maupun di akhirat”. (1983:51).

Sedangkan tujuan khusus dari dakwah adalah:

- a) Mengajak umat manusia yang sudah memeluk agama Islam untuk selalu meningkatkan taqwanya kepada Allah Swt.
- b) Membina mental agama bagi kaum yang masih muallaf.

- c) Mengajak umat manusia yang belum beriman agar beriman kepada Allah (memeluk agama Islam).
- d) Mendidik dan mengajar anak-anak agar tidak menyimpang dari fitrahnya. (1983: 55-58).

Dengan melihat beberapa pendapat para ahli tersebut di atas, maka jelas bahwa ruang lingkup DAKWAH dan penerangan agama adalah menyangkut masalah pembentukan sikap mental dan pengembangan motivasi yang bersifat positif dalam segala lapangan hidup manusia.